



**LATIHAN:** Carolyn (kiri) bersama pelajar-pelajar latihan industri dan Dekan Fakulti Sains & Sumber Alam UMS, Prof. Dr. Jualang Gansau (tiga kiri).

## UMS beri ruang pelajar jalankan latihan industri di NDRC

UB 19.04.2024 P.08

**KOTA KINABALU:** Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC) Universiti Malaysia Sabah (UMS) membuka ruang latihan industri kepada empat pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Pengarah NDRC, Prof. Madya Dr. Carolyn Melissa Payus berkata, latihan industri itu adalah salah satu daripada program pihaknya untuk membolehkan pelajar didedahkan dengan lebih dekat kepada pelbagai bentuk penyelidikan bencana alam serta pengurusan era perubahan iklim.

Carolyn berkata, antara yang dipelajari oleh mereka adalah pendedahan terhadap permodelan dan ramalan risiko banjir, praktikal dalam seismik dan reka bentuk bangunan, analisis geokimia serta perubahan iklim dan cuaca ekstrem.

“Program latihan industri ini merupakan salah satu keperluan kurikulum akademik pelajar untuk mereka menamatkan pengajian dalam bidang Ijazah

Sarjana Muda Sains Gunaan (Geosains) dengan Kepujian.

“Melalui program ini juga pelajar berpeluang mengunjungi dan mengendali fasiliti SEISCOMP3 iaitu sistem pemantauan aktiviti seismik gempa bumi yang terdapat di makmal NDRC.

“Sistem ini memantau aktiviti seismik gempa bumi (real time data) daripada stesen-stesen seismik gempa bumi di seluruh dunia termasuklah yang terdapat di Sabah. Sistem pemantauan gempa bumi di makmal NDRC ini merupakan hasil kerjasama strategik dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) sejak 2021,” jelasnya.

Menurutnya, pelajar yang menjalani program latihan industri di NDRC juga akan dilibatkan secara aktif dalam program khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh NDRC.

“Kami menjalankan bengkel pembentukan Task Force bersama komuniti serta program pendidikan bencana di

beberapa kawasan hot spot bencana termasuklah sangkutan sementara di jabatan kerajaan yang mempunyai hubungan strategik dengan NDRC seperti MET Malaysia dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG).

“Program penempatan pelajar untuk latihan industri seperti ini bermula sejak 2018 lagi dengan sejumlah lebih daripada 14 pelajar setakat ini yang berjaya menghabiskan latihan praktikal mereka di NDRC.

“Justeru, NDRC mengalukan penglibatan yang lebih ramai daripada pelajar dari universiti luar pada masa hadapan. Maklumat lanjut untuk permohonan bagi menjalani latihan industri di NDRC boleh dihantar ke alamat e-mel [ndrc@ums.edu.my](mailto:ndrc@ums.edu.my),” katanya.

Program latihan industri ini diletakkan di bawah penyelidikan felo-felo utama NDRC iaitu, Dr. Janice Lynn Ayog, Dr. Noor Sheena Herayani Harith, Prof. Dr. Baba Musta dan Pegawai Penyelidik NDRC Eldawaty Madran.